



ANUGERAH PENDIDIK SANJUNGAN USM 2025 Majlis Anugerah Sanggar Sanjung 2025

PANDUAN PENYEDIAAN PORTFOLIO PENGAJARAN

*Sila ambil perhatian bahawa semua dokumen perlu dihantar dalam bentuk salinan keras dan salinan lembut.

***'Senarai Isi Kandungan' beserta nombor muka surat bagi setiap seksyen perlu ditunjukkan dengan jelas dan lengkap.

Maklumat pada bahagian ini perlulah dibaca bersama maklumat pada **GARIS PANDUAN, KRITERIA DAN SYARAT PEMILIHAN APS USM 2025**, khususnya pada bahagian 5 - Kriteria Pemilihan.

A. FALSAFAH PENGAJARAN

Falsafah pengajaran ialah pegangan peribadi yang menjadi landasan dalam memacu keberkesanan pengajaran.

Sila nyatakan dengan jelas falsafah pengajaran anda beserta bukti komprehensif yang menunjukkan bagaimana anda mengamalkannya.

Contoh 1:

As an educator, my vision is to provide the best learning experience to students through various learning approaches that facilitate their understanding to mastery the concepts and principles of subject learnt. Consequently, they will integrate the concepts and principles with real practices that leads to greater learning satisfaction and experience. Ultimately, they will take more responsibility to enhance knowledge, skills, values and practices to become life-long learners. As a medical educationist, my vision is to encourage and promote scholarly and scholarship of teaching and learning among medical teachers either at local or global level. - Dr. Muhamad Saiful Bahri Yusoff -

Contoh 2:

Saya tidak melihat diri saya sebagai 'pengajar' ataupun 'pemberi ilmu'. Pada saya guru bukanlah seorang yang mempunyai keseluruhan pengetahuan dan menyampaikan segala pengetahuan tersebut kepada pelajar. Bermula dari seorang behavioris saya meneruskan perjuangan dalam diri saya untuk menjadi seorang guru yang konstruktivis. Bagi saya, seorang guru perlu berusaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang bermakna kepada pelajar dengan menjalankan refleksi terhadap pengajaran pada setiap masa dan ketika. Adalah penting bagi saya untuk terus belajar dan mengubahsuaikan pendekatan saya dalam mencari kaedah terbaik untuk mengaitkan bahan pengajaran dan pelajar saya. Adalah penting bagi mewujudkan kesinambungan pengajaran dan dunia sebenar, memperkasa pembelajaran berpusatkan pelajar, mengoptimumkan penggunaan teknologi serta menjana pertumbuhan berterusan dalam bidang ilmunya. Saya percaya bahawa pelajar abad ke-21 perlu diberi peluang untuk meneroka di luar persekitaran kelas fizikal dan dapat berinteraksi antara satu sama lain dan guru-guru pada bila-bila, mana-mana sahaja. Bagi saya, pengajaran adalah satu proses, bukan sekadar satu

aktiviti yang berlaku di dalam ruang lingkup yang terhad. Sebagai seorang pendidik saya perlu sentiasa melakukan inovasi dalam pengajaran dan memastikan pelajar saya juga melakukan inovasi dalam pembelajaran mereka.

Sebagai seorang pendidik yang mengajar guru-guru dalam menggunakan alatan dan aplikasi ICT yang inovatif dalam kursus saya, matlamat saya ialah untuk memberi motivasi kepada pelajar saya (iaitu bakal guru/guru/pendidik) untuk memulakan penerokaan peribadi ke arah menggunakan ICT dalam persekitaran PdP mereka. Perkara pertama yang perlu saya lakukan adalah untuk menukar 'mindset' pendidik untuk melakukan eksplorasi agar PdP mereka tidak lagi berpusatkan guru semata-mata. Ini hanya boleh berlaku sekiranya pendidik ditanamkan dengan pendekatan memberi kuasa atau 'empowerment' kepada pelajar untuk melakukan eksplorasi dalam pembelajaran. Ilham untuk melakukan inovasi dalam PdP haruslah ditanam dalam kalangan pendidik dan pelajar. Setakat ini saya sentiasa cuba mengubah dan menambah baik strategi dari segi gabungan pedagogi dan teknologi kerana keduanya adalah penting dalam melakukan penerokaan untuk mendalami pengetahuan baru. Keduanya (pedagogi dan teknologi) perlu digabungkan untuk menjadikan persekitaran pembelajaran sesuatu pengalaman yang kekal dalam hati setiap individu. Saya juga inginkan pelajar mengetahui betapa saya mempunyai semangat yang jitu dalam meningkatkan kualiti PdP, motivasi dan minat mereka. Saya akan sentiasa memastikan kursus-kursus di bawah kelolaan saya adalah mencabar daya pemikiran pelajar tetapi mereka tetap akan mampu membina pengetahuan yang kemahiran yang ingin digapai. - Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden

B. PENYATA INOVASI

Sila nyatakan dengan jelas penyata inovasi pengajaran anda secara terperinci beserta bukti komprehensif bagaimana anda melaksanakannya. Penyata inovasi yang baik perlu menonjolkan keaslian, kerelevanan, dan impak besar terhadap pengajaran dan pembelajaran serta selari dengan Visi dan Misi USM.

C. IMPAK INOVASI

Sila nyatakan beserta **bukti yang menyokong**, bagaimana inovasi yang dijalankan dalam pengajaran telah berjaya meningkatkan kefahaman pelajar, kebolehan pelajar berfikir aras tinggi, dan berjaya memberi kesan positif terhadap pengalaman pembelajaran pelajar. Inovasi yang diterapkan perlu menunjukkan impak dari segi:

- Pencapaian kesan pembelajaran
- Bimbingan terhadap pembelajaran (bimbing-selia, penasihat yang substantif)
- Penyelidikan dan Penerbitan yang berkaitan dengan pengajaran
- Penyeliaan (contoh: sampel tesis yang disemak, bilangan penyeliaan, bilangan pelajar yang bergraduasi, hasil penerbitan pelajar dan sebagainya)

D. BAHAN PENGAJARAN DAN PENILAIAN

Sila sertakan sampel bahan pengajaran dan penilaian yang telah digunakan. Ia perlulah jelas menunjukkan:

- Kesesuaian (contohnya tahap dan skop)
- Keterkinian

- Kepelbagaian dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian
- Peransangan dan pemupukan pemikiran kritis
- Keselajaran penilaian
- Impak penilaian terhadap pembelajaran
- Pemajuan ilmu calon secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran
